

DATE: 21/05/2008

'Kaji kenapa Tun keluar UMNO'

KUALA LUMPUR 20 Mei - Bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid berkata, beliau tidak terkejut dengan keputusan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan keluar daripada UMNO berkuat kuasa serta merta.

Beliau berkata, bekas Perdana Menteri itu bertindak demikian kerana tidak dapat menerima prestasi terburuk UMNO dan komponen Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-12, 8 Mac lalu.

"Barangkali ada yang seronok apabila Dr. Mahathir keluar dari UMNO seperti kata Tun Musa Hitam mengenai tindakan Dr. Mahathir meninggalkan parti bagaikan 'duri dalam daging sudah terkeluar'.

"Ada pula seorang lagi menteri melahirkan rasa lega dengan tindakan Dr. Mahathir, memang jelas banyak reaksi yang diterima daripada pelbagai pihak.

"Apa pun bagi saya, kita kena kaji dengan mendalam kenapa beliau mengambil keputusan keluar daripada UMNO," katanya di sini hari ini.

Beliau ditemui pemberita selepas menyampaikan Ijazah Kedoktoran Kehormat kepada bekas Rektor Kedua Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Datuk Dr. Abdulhamid Ahmad Abusulayman di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai keputusan bekas Presiden UMNO itu yang mengambil keputusan keluar parti berkuat kuasa serta merta semalam.



SANUSI JUNID

UM - 21/5/2008

Bekas Presiden UMNO selama 22 tahun antara 1981 dan 2002 itu dan merupakan seorang ahli terawal parti itu sejak penubuhannya pada 1946 berkata, beliau bertindak demikian kerana hilang keyakinan terhadap kepimpinan Presiden UMNO sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sanusi berkata, jika ahli UMNO masih tidak sedar dan mengambil iktibar daripada kekalahan teruk pada pilihan raya umum yang lalu, bahayanya dalam masa lima tahun lagi ada kemungkinan BN akan hilang semua negeri kepada pembangkang.